


PERMOHONAN SURAT KREDIT

 ALLIANCE BANK Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)	TARIKH PERMOHONAN INI:
PEMOHON (NAMA DAN ALAMAT PENUH): Nama: _____ _____ Alamat: _____ _____ _____	BENEFISIARI (NAMA DAN ALAMAT PENUH): Nama: _____ _____ Alamat: _____ _____ _____
NAMA BANK PEMAKLUM (NAMA DAN ALAMAT PENUH) Nama: _____ Alamat: _____ _____ Kod SWIFT (sekiranya ada) _____	
BOLEH DIPINDAH MILIK <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	TARIKH LUPUT: _____ NEGARA: _____
KAEDAH PENERBITAN <input type="checkbox"/> SWIFT <input type="checkbox"/> Kurier <input type="checkbox"/> Lain-lain: _____	PENGESAHAN KREDIT KEPADA BENEFISIARI <input type="checkbox"/> Diminta <input type="checkbox"/> Tidak Diminta <input type="checkbox"/> Boleh ditambah
AMAUN DALAM ANGKA DAN PERKATAAN (SILA NYATAKAN MATA WANG): _____ _____	
PENGHANTARAN SEPARA: <input type="checkbox"/> Dibenarkan <input type="checkbox"/> Tidak Dibenarkan PINDAH KAPAL: <input type="checkbox"/> Dibenarkan <input type="checkbox"/> Tidak Dibenarkan	KREDIT TERSEDIA DENGAN: _____ a. <input type="checkbox"/> Pembayaran Bila Tampak c. <input type="checkbox"/> Pembayaran Bertunda b. <input type="checkbox"/> Penerimaan d. <input type="checkbox"/> Rundingan terhadap dokumen yang diperincikan di sini dan draf Benefisiari _____ yang dikeluarkan Bank Penerbit
INSURANS DITANGGUNG OLEH: Insurans telah/akan diatitkan dan akan ditanggung oleh: <input type="checkbox"/> Pembeli Terakhir (kemukakan satu salinan insurans kepada Alliance Bank Malaysia Berhad) <input type="checkbox"/> Pemohon (kemukakan satu salinan insurans kepada Alliance Bank Malaysia Berhad) <input type="checkbox"/> Insurans dilaksanakan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad	
TARIKH TERAKHIR PENGHANTARAN: _____	

PERINCIAN PENGANGKUTAN

- a. Tempat Pengambilalihan / Hantaran / Tempat Penerimaan: _____
- b. Pelabuhan Muatan / Lapangan Terbang Pelepasan: _____
- c. Pelabuhan Punggahan / Lapangan Terbang Destinasi: _____
- d. Destinasi Terakhir / Untuk Pengangkutan ke / Tempat Penghantaran: _____

INCOTERMS:

- a. FOB b. FCA c. CFR d. CPT e. CIF f. CIP
- g. Terma-Terma lain: _____

BARANGAN (HURAIAN RINGKAS TANPA BUTIRAN YANG BERLEBIHAN):**SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:**

- Invois komersial yang ditandatangani dalam ____ salinan
- Set lengkap Bil Muatan atas nama Bank Penerbit dan dimaklumkan kepada Pemohon
- Gabungan Dokumen Pengangkutan atas nama Bank Penerbit dan dimaklumkan kepada Pemohon
- Bil Jalan Udara
- Dokumen pengangkutan lain (nyatakan): _____
- Dokumen pengangkutan yang menyatakan tambang muatan
 - a. Prabayar
 - b. Dibayar di destinasi
 - c. Lain-lain (nyatakan): _____
- Arahan Penyerahan atas nama Bank Penerbit bagi akaun Pemohon
- Perakuan Tempat Asal dalam _____ salinan
- Senarai Pembungkusan _____ salinan

Insurans yang ditanggung oleh pengirim (set lengkap Polisi/Sijil Insurans) dengan pengesahan terbuka dalam mata wang kredit tidak kurang daripada nilai CIF/CIP berserta 10% meliputi risiko di bawah Institute Cargo Clauses:

- a. Clause A b. Klausula B c. Clause C
- d. Risiko Perang e. Mogok f. TPND
- g. Fasal Lain (nyatakan): _____

Dokumen Lain (nyatakan):

Dokumen perlu dikemukakan dalam tempoh ____ hari selepas tarikh penghantaran tetapi dalam jangka masa sah kredit.

ARAHAN TAMBAHAN:

Segala caj yang berkaitan dengan kredit ini di luar Malaysia adalah untuk akaun

Benefisiari

Pemohon

Caj pengesahan, sekiranya ada, adalah untuk akaun

Benefisiari

Pemohon

CAJ

Debitkan segala caj/kurangan Alliance Bank Malaysia Berhad (sekiranya ada) dan komisen daripada akaun saya/kami bernombor _____ dengan Alliance Bank Malaysia Berhad.

Lain-lain (sila nyatakan) _____

A) Arahan

Saya/Kami dengan ini memohon supaya bank menerbitkan kredit berdokumen yang tidak boleh ditarik balik untuk akaun kami menurut arahan di atas (ditandakan dengan ✓ di mana berkenaan). Kredit tersebut akan tertakluk kepada Uniform Customs and Practice for Documentary Credits, yang diterbitkan oleh International Chamber of Commerce yang kini berkuat kuasa selagi ia tidak diubahsuai atau dikecualikan dengan jelas setakat tarikh penerbitan kredit. Saya/Kami bersetuju untuk terikat dengan Syarat-syarat Am yang terdapat di belakang halaman ini dan Perjanjian Kemudahan lain yang berkaitan.

B) Persetujuan

Saya/Kami dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank"), pegawai serta kakitangannya untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat berkaitan permohonan ini kepada Payment Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), penyelia perkhidmatan untuk Bank, penama, ejen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga (secara kolektif dirujuk sebagai "Pihak Ketiga") untuk tujuan yang diperlukan berkaitan dengan permohonan pembiayaan. Maklumat yang akan didedahkan ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada invoice, surat kredit dan maklumat lain yang berkaitan yang mungkin disimpan oleh Bank, PayNet dan/atau Pihak Ketiga.

Saya/Kami juga mengesahkan bahawa pendedahan sedemikian tidak boleh ditarik balik dan Bank tidak akan bertanggungjawab kerana memberikan maklumat tersebut atau akibat daripada sebarang pergantungan yang boleh diletakkan pada maklumat yang diberikan mengikut permohonan ini melainkan jika diberitahu sebaliknya oleh saya/kami secara bertulis.

UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA

Tandatangan
disahkan oleh:

PENANDATANGAN YANG DIBENARKAN & CAP SYARIKAT

Nota:

(1) Borang ini perlu dilengkapkan dan ditandakan ✓ di mana yang berkenaan.

(2) Maklumat terperinci mengenai Fi & Caj Pembiayaan Perdagangan terdapat di laman web kami di <https://www.alliancebank.com.my>

Atas pertimbangan bank untuk membuka kredit ini, saya/kami bersetuju:-

- (a) Untuk membayar bila dituntut segala draf tampak dan untuk menerima bila tampak dan membayar apabila matang segala draf usance yang dikeluarkan menurut terma-termanya.
- (b) Menyediakan dana yang mencukupi untuk membayar bank, apabila atau sebelum draf matang, , segala pembayaran, komisen, faedah dan caj termasuklah tambang muatan sekiranya ada dan segala jenis obligasi, liabiliti dan segala perbelanjaan terlibat yang ditanggung oleh bank atau ejen bank berkenaan dengan kredit ini, dan bank diberi kebenaran untuk mendebit jumlah tersebut daripada akaun semasa/overdraft saya/kami dengan memaklumkan kepada kami.
- (c) bahawa atas apa juga sebab sekalipun sebarang tuntutan tidak boleh dibuat terhadap bank sama ada berkenaan dengan dokumen dan/atau barangan selepas draf diterima atau dibayar oleh saya/kami.
- (d) bahawa margin yang didepositkan dengan bank dalam bentuk tunai, cek atau melalui pendebitan akaun kami akan kekal terhad sama ada dalam RM atau dalam mata wang kredit sebagai cagaran bagi pembayaran draf yang dikeluarkan di bawah kredit ini. Lebihan margin, sekiranya ada, akan dikembalikan selepas segala liabiliti kami di bawah kredit ini telah diselesaikan.
- (e) bahawa untuk mendapatkan pembayaran bagi segala atau sebarang wang yang dipertanggungjawabkan atas saya/kami pada bila-bila masa di bawah ini, bank mempunyai lien ke atas segala barangan, dokumen dan polisi dan perolehan yang tersebut dengan budi bicara terhadap jualan barangan tersebut sebelum atau selepas ketibaan tanpa pemberian notis.
- (f) untuk menyimpan dengan bank segala perlindungan insurans yang diperlukan dengan pengesahan yang memihak kepada bank sekiranya terdapat perlindungan insurans di pihak ini.
- (g) bahawa penukaran amaun draf dalam mata wang asing kepada Ringgit Malaysia akan dibuat pada kadar jualan bank bagi mata wang tersebut seperti berikut:-
 - (i) untuk draf tampak tanpa percanggahan – pada hari di mana dokumen disemak oleh bank dan didapati lengkap.
 - (ii) untuk draf tampak yang mengandungi percanggahan – pada hari bank mendapat persetujuan kami berkenaan percanggahan tersebut kecuali sekiranya barangan telah diambil serahan oleh saya/kami menggunakan jaminan perkapalan bank, di mana bank boleh menukar mata wang asing tersebut pada hari dokumen diterima oleh bank.
 - (iii) untuk draf usance – apabila draf matang.
- (h) bahawa bank berhak untuk menolak dokumen yang tidak mematuhi terma-terma dan syarat-syarat kredit tersebut dan saya/kami bersetuju bahawa saya/kami tidak akan mengikat atau mempertanggungjawabkan bank sekiranya saya/kami mengalami sebarang kerugian atau kerosakan berikutan tindakan bank seperti yang tersebut
- (i) bahawa saya/kami akan terikat dan bertanggungjawab untuk melindungi bank daripada segala obligasi dan tanggungjawab yang dikenakan terhadap bank atau ditanggung oleh bank menurut undang-undang dan penggunaan asing dan saya/kami bersetuju untuk membayarnya kepada bank bila dituntut dan memberi kebenaran kepada bank untuk mendebitnya daripada akaun semasa/overdraft saya/kami.
- (j) bahawa saya/kami bersetuju untuk menanggung rugi bank sekiranya bank tidak dapat mengutip dan/atau menuntut sebarang caj, termasuklah komisen, fi, kos dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh bank atau dikenakan terhadap bank oleh mana-mana individu dan saya/kami bersetuju untuk membayarnya kepada bank bila dituntut dan memberi kebenaran kepada bank untuk mendebitnya daripada akaun semasa/overdraft saya/kami.
- (k) bahawa penukaran caj dan sebarang perbelanjaan lain dalam mata wang asing akan dibuat pada kadar jualan bank bagi mata wang tersebut pada hari bank mendebit akaun semasa/overdraft saya/kami atau menuntutnya daripada saya/kami.
- (l) bahawa sekiranya barangan di bawah kredit ini telah diambil serahannya oleh saya/kami menggunakan jaminan perkapalan bank, saya/kami mengaku janji untuk membayar dan menerima dokumen yang dikemukakan tanpa mengira sama ada terdapat percanggahan atau ketaksekataan pada dokumen tersebut dan bank diberi kebenaran untuk mengetepikan sebarang rizab atau jaminan yang dipegang oleh bank perunding urus.
- (m) bahawa saya/kami akan menanggung sepenuhnya risiko bagi penyampaian arahan dan penghantaran dokumen di bawah kredit tersebut.
- (n) bank menandatangani borang BNM/KPW/P bagi pihak saya/kami.
- (o) bahawa selepas membuat siasatan dengan pihak berkuasa yang berkenaan, saya/kami mengesahkan bahawa barangan berkaitan yang dinyatakan dalam permohonan ini bukan merupakan item terlarang dan tidak memerlukan Lesen Import, oleh itu, saya/kami akan melindungi bank daripada sebarang tanggungjawab dan akibat yang mungkin timbul, dan mengaku janji untuk melindungi bank daripada segala kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung dan saya/kami bersetuju untuk membayarnya bila dituntut dan memberi kebenaran kepada bank untuk mendebitnya daripada akaun semasa/overdraft saya/kami.
- (p) bahawa saya/kami mengaku janji untuk memohon lanjutan Lesen Import yang berkaitan sekiranya barangan tiba selepas tarikh luput import.
- (q) bahawa kecuali dinyatakan dengan jelas, kredit ini ditadbir oleh dan dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia dan (tanpa prejudis terhadap hak bank untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap saya/kami) saya/kami mematuhi bidang kuasa mahkamah di Malaysia dan mana-mana mahkamah yang mendengar rayuan dan bersetuju bahawa sebarang tindakan undang-undang, saman atau prosiding yang timbul dari atau berkaitan dengan kredit ini dilaksanakan di Malaysia.
- (r) kecuali dinyatakan dengan jelas di sini, caj Bank adalah tidak termasuk sebarang cukai semasa dan yang akan dikenakan pada masa akan datang (termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan "GST") (sekiranya ada), di bawah undang-undang yang berkenaan. Pada tarikh penguatkuasaan pelaksanaan cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana berkenaan, Bank berhak menuntut cukai tersebut daripada saya/kami.